

# PERANAN JAWATANKUASA PENGURUSAN PUSAT ISLAM POLITEKNIK MUKAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## PENGENALAN

Jawatankuasa Pengurusan Pusat Islam Politeknik Mukah adalah jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Islam Sarawak di bawah Seksyen 60 (4) Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 manakala ahli-ahli dalam Biro dilantik oleh Pengarah Politeknik Mukah.

Surau Ibadur Rahman (Pusat Islam) PMU adalah surau berdaftar di bawah Majlis Islam Sarawak dan tertakluk dengan Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak & Prosedur Kewangan Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak 2004 (Pindaan 2008/2009). Semua masjid/surau di negeri Sarawak ditadbir dan diurus oleh suatu Jawatankuasa Pengurusan yang ahli-ahlinya dilantik oleh, atau dengan pengesahan Majlis Islam Sarawak.

## OBJEKTIF JKP PUSAT ISLAM

Jawatankuasa Pengurusan Pusat Islam PMU memainkan peranan bagi mencapai objektif seperti yang tertakluk di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak.

- Mentadbir dan mengurus Masjid/ Surau secara amanah, telus dan berkesan.
- Mengamal, menghayati dan mempertahankan kesucian Islam melalui Masjid/ Surau.
- Menyemai perasaan muhibbah di antara ahli kariah dan menyemarakkan semangat bekerjasama dan gotong-royong dalam hal kebajikan.
- Berusaha untuk memaju pendidikan formal dan kefahaman Agama Islam, membangun ekonomi serta meningkatkan pengetahuan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan ahli kariah.
- Bekerjasama dengan Jabatan dan Agensi Kerajaan, pihak swasta, dan pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dalam melaksanakan aktiviti agama, sosial dan kebajikan.
- Menjadikan Masjid/ Surau sebagai pusat ibadat, ilmu, dakwah, perpaduan, pembangunan, pengurusan dan kepimpinan.
- Melaksanakan arahan Majlis Islam Sarawak dari semasa ke semasa.